



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KPWKM LAKSANA KOLABORASI STRATEGIK DENGAN BANYAK SYARIKAT LAIN YANG BERPOTENSI

PUTRAJAYA, 1 Disember - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merujuk sebuah ciapan Twitter yang tular di beberapa platform media sosial berhubung Program Wanita Bangkit Berniaga dan MyKasih Kapital yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian.

Berdasarkan ciapan itu, pemilik akaun tersebut mendakwa Kementerian telah menganjurkan sebuah 'skim' yang menguntungkan syarikat penganjur program keusahawanan terkenal di Malaysia atas dasar 'kroni'.

Dakwaan tersebut adalah palsu dan tidak benar kerana kerjasama yang dilakukan dalam Program Wanita Bangkit Berniaga (WBB) adalah merupakan satu kolaborasi strategik antara KPWKM dengan syarikat tersebut tanpa kos manakala pemilihan syarikat itu sebagai rakan strategik adalah berikutan kemampuan dan prestasi syarikat berkenaan terbukti dengan kejayaan melahirkan ribuan usahawan jutawan yang berjaya.

Pada Oktober 2021, KPWKM telah melancarkan 'Kempen Wanita Bangkit' yang mana pada masa sama syarikat tersebut akan melaksanakan siri kempen Bangkit yang menasarkankan golongan wanita.

Kolaborasi strategik antara Kementerian dan bersama syarikat swasta dilihat satu usaha signifikan kerana matlamat program adalah bagi membantu golongan wanita tempatan yang terjejas pendapatan ketika mengharungi pandemik

COVID-19.

Selain itu, program tiga hari secara dalam talian itu dianjurkan selepas mengambil kira pelbagai faktor termasuk mengekang jangkitan COVID-19 dan mematuhi SOP-SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) ketika negara sedang menuju era endemik dan antara pengisian Program WBB adalah memberi peluang kepada peserta untuk meneroka peluang pendapatan melalui bidang perniagaan, pertukaran maklumat (*knowledge sharing*), membina jaringan komunikasi (*communications networking*) dan perkongsian kisah yang memberi inspirasi (*success stories*).

KPWKM juga menafikan dakwaan pemilik akaun sama bahawa peserta diminta membeli sebuah buku semasa mengikuti program tersebut sebaliknya peserta diberi pilihan samaada ingin memuat turun Ebook secara percuma atau mendapatkan buku secara fizikal dan peserta hanya perlu menanggung kos penghantaran.

Bagi menjayakan program WBB, kementerian juga telah melaksanakan kolaborasi strategik dengan beberapa syarikat lain yang berpotensi dan mempunyai rekod pencapaian yang baik Syukor Dagang Sdn. Bhd.; Leong Hup International Berhad; HEYHO Sdn. Bhd; DSAB Holdings Sdn. Bhd.; dan UniKL Resources Sdn. Bhd. bagi mengukuhkan lagi '*networking*' para peserta selepas mereka mengikuti program.

Sementara itu, Program MyKasih Kapital merupakan bantuan suntikan modal untuk wanita memulakan perniagaan bagi menjana ekonomi keluarga yang telah dilancarkan sejak 12 April 2021. Program ini diperkenalkan susulan pengumuman YAB Perdana Menteri ketika itu pada Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021.

Peruntukkan keseluruhan geran berjumlah RM2 juta oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyasarkan 4,000 wanita yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Program ini mendapat penyertaan yang menggalakkan dan melebihi 4,000 sasaran asal. Kesemua peserta telah dikenalpasti dan telah melalui proses saringan sebelum diberi bimbingan melalui pelbagai aktiviti termasuk bengkel dan motivasi.

KPWKM menyelar tindakan tanpa usul periksa yang dibuat oleh pemilik akaun berkenaan kerana menggunakan bahasa kesat, dakwaan palsu, membuat tohmahan dan penghinaan yang keterlaluan terhadap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Sehubungan itu kementerian ingin mengingatkan pengguna media sosial supaya lebih berhati-hati dalam membuat sebarang kenyataan atau perkongsian agar tidak menyebarkan maklumat palsu kerana ianya merupakan kesalahan di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 selain turut berdepan tindakan saman di mahkamah.

Sekiranya mana-mana pihak ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan perkara tersebut sila berhubung dengan Urusetia Wanita Bangkit, Jabatan Pembangunan Wanita.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

No.55, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : 03-83231088